



**INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL  
OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM  
(IRJSMI)**

[www.irjsmi.com](http://www.irjsmi.com)



**KECERDASAN ROHANI DAN INTEGRITI: SATU KAJIAN  
RINTIS DALAM KALANGAN PELAJAR IPTA MUSLIM DI  
MALAYSIA**

*SPIRITUAL INTELLIGENCE AND INTEGRITY: PILOT STUDY AMONG THE  
MUSLIM IPTA STUDENTS IN MALAYSIA*

Noraeyn Eusope<sup>1\*</sup>, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia  
Email: noraeyn.eusope@gmail.com

<sup>2</sup> Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia  
Email: amieazmi@um.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 30.03.2021

Revised date: 31.04.2021

Accepted date: 25.05.2021

Published date: 10.06.2021

**To cite this document:**

Eusope, N., & Azmi, I. A. G. (2021). Kecerdasan Rohani dan Integriti: Satu Kajian Rintis dalam Kalangan Pelajar IPTA Muslim di Malaysia. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 3 (7), 13-24.

**DOI:** 10.35631/IRJSMI.37002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Kecerdasan rohani adalah elemen penting ke arah pembentukan personaliti mulia dalam diri seseorang. Memandangkan pelajar universiti adalah bakal modal insan negara, mereka perlu mempunyai kecerdasan rohani untuk mencapai tahap integriti yang tinggi. Kajian rintis ini dijalankan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan instrumen bagi mengukur tahap kecerdasan rohani dan pemahaman tentang integriti dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Muslim di Malaysia. Kajian ini berdasarkan kepada reka bentuk kajian kuantitatif dan kaedah yang digunakan adalah persampelan rawak berstrata dengan saiz sampel 30 orang pelajar Islam dari universiti awam di seluruh Malaysia. Instrumen penyelidikan yang digunakan adalah soal selidik. Penggunaan soal selidik digital iaitu “google form” membolehkan data dikumpul dan dianalisis dengan cepat. Penelitian ke atas kajian-kajian lepas dilakukan bagi membina instrumen kedua boleh ubah ini. Nilai pekali cronbach alpha bagi instrumen kecerdasan rohani adalah 0.848 manakala nilai pekali cronbach alpha bagi instrumen integriti adalah 0.756. Dengan itu, kebolehpercayaan boleh ubah bagi instrumen ini boleh diterima. Data kajian dianalisis dengan menggunakan IBM “Statistical Package of Social Science” (SPSS) versi 26 untuk menilai kekerapan, peratusan, purata dan ujian korelasi. Analisis data mengenai kecerdasan rohani dilakukan dengan menggunakan ujian deskriptif kekerapan di mana min antara 4.53 hingga 5.83 diperolehi. Keputusan ini menunjukkan tahap kecerdasan rohani adalah tinggi dalam kalangan pelajar. Sementara itu, ujian integriti

dilakukan menggunakan ujian kekerapan juga di mana ia menunjukkan majoriti pelajar memahami erti integriti. Hasil ujian korelasi  $r = 0.138$  menunjukkan hubungan yang positif tetapi lemah dalam perhubungan antara kedua pemboleh ubah kecerdasan rohani dan integriti dalam kajian ini dan  $P = 0.467$  menunjukkan hubungan ini tidak signifikan. Metodologi kajian ini menunjukkan bukti empirikal terhadap tahap kecerdasan rohani dan pemahaman integriti dalam kalangan pelajar IPTA Muslim di Malaysia pada masa kini.

**Kata Kunci:**

Kecerdasan Rohani, Integriti, Pelajar IPTA

**Abstract:**

Spiritual intelligence is an important element towards the formation of a noble personality within a person. As university students are the nation's potential human capital, they need to have spiritual intelligence to achieve a high level of integrity. This pilot study was conducted to identify the reliability of instruments to measure the level of spiritual intelligence and understanding of integrity among Muslim IPTA students in Malaysia. This study is based on a quantitative study using digital questionnaires and the method used is random stratified sampling with a sample size of 30 Muslim students. The use of a digital questionnaire allows data to be collected and analyzed quickly. Research on previous studies was conducted to build these two variable instruments. The Cronbach alpha coefficient value of the spiritual intelligence instrument is 0.848 while the Cronbach alpha coefficient value of the integrity instrument is 0.756. Thus, the variable reliability of this instrument is acceptable. The study data were analyzed using IBM 'Statistical Package of Social Science' (SPSS) version 26 to assess the frequency, percentage, average, and correlation test. Analysis of data on spiritual intelligence was conducted using a descriptive test of frequency where a mean between 4.53 and 5.83 was obtained. These results show that the level of spiritual intelligence is high among students. Meanwhile, the integrity test was conducted using frequency test showed the majority of students understand the meaning of integrity. The results of the correlation test  $r = 0.138$  showed a positive but weak relationship between the two variables of spiritual intelligence and integrity and  $P = 0.467$  showed this relationship was not significant. The methodology of this study has provided empirical evidence on the current level of spiritual intelligence and understanding of integrity among the Muslim IPTA students in Malaysia.

**Keywords:**

Spiritual Intelligence, Integrity, IPTA Students

**Pengenalan**

Di dalam kehidupan ini, manusia memerlukan kecerdasan di akal dan hati. Tanpa kecerdasan ini, manusia sebagai khalifah yang diamanahkan untuk menjalankan tugas di bumi ini, tidak dapat melaksanakan suruhan Allah SWT dengan sempurna. Menurut Elmi Baharudin (2015), kecerdasan rohaniah atau kecerdasan rohani merupakan kecerdasan yang paling tinggi dalam diri seorang insan. Ia berpuncak dari roh, hati, perasaan, keimanan yang tinggi dan diikuti dengan amalan yang berterusan berlandaskan syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT serta akhlak yang terpuji bagi menjalani kehidupan. Insan ini dapat menjaga hubungannya dengan Allah SWT, manusia serta persekitaran dengan baik dengan mempunyai personaliti *Ulul Albab*.

di mana ia bermaksud mempunyai dalaman yang kuat dan akhlak yang mulia. Manakala, Yosi Amram (2007) menyatakan bahawa kecerdasan rohani atau “*Spiritual Intelligence*” didefinisikan sebagai keupayaan untuk menggunakan sumber rohani dalam meningkatkan kesejahteraan harian. Ini selari dengan kajian Danah Zohar (2001) yang menurutnya, kecerdasan rohani adalah kebijaksanaan suara hati, moral dan kebolehan untuk memilih yang benar dan salah. Kebijaksanaan ini dibentuk melalui kebolehan menyelesaikan masalah di atas kepercayaan nilai-nilai yang baik dan benar dalam kehidupan ini. Dengan kebijaksanaan rohani, seseorang itu dapat memupuk sifat integriti dalam urusan sehari-hari mereka. Kecerdasan rohani adalah keupayaan dalaman bagi memilih perkara yang bermanfaat dan meninggalkan segala kemudarat. Ia juga bermaksud keupayaan seseorang untuk berfikir dengan rasional dan mempunyai nilai-nilai murni dalam dirinya bagi membezakan mana yang betul dan mana yang salah. Pelajar universiti yang mempunyai kecerdasan rohani yang tinggi mampu menjadi insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.

### **Konsep Kecerdasan Rohani**

Kecerdasan rohani dikatakan satu kecerdasan yang lebih tinggi di mana ia dapat mengaktifkan kualiti dan keupayaan diri dalam bentuk kebijaksanaan, belas kasihan, integriti, kegembiraan, cinta kreativiti dan keamanan. Kajian Ajit Singh Negi dan Dr Ashu Khanna (2017) menyatakan kerohanian adalah bermaksud tahu siapa diri anda dan kecerdasan rohani itu untuk menyedari siapa diri anda dan hidup di dalam kesedaran itu. Kajian barat iaitu kajian Yosi Amram (2007) menyatakan kecerdasan rohani itu terbahagi kepada tujuh dimensi iaitu:

#### **Kesedaran**

Dimensi kesedaran bermaksud kesedaran yang diperhalusi bagi mencapai pengetahuan diri dengan niat dan fikiran yang jelas. Ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara seperti berdoa, meditasi, intuisi, impian dan bersendirian dalam suasana yang sepi. Amalan yang dipraktikkan ini dikatakan dapat membangunkan kualiti rohani bagi membina kecerdasan rohani.

#### **Rahmat**

Dalam kajian beliau, rahmat di sini menunjukkan kasih sayang dan kepercayaan dalam kehidupan ini. Ia seperti melalui kehidupan ini dengan penuh kesyukuran, keceriaan, melihat kecantikan luar dan dalam serta optimistik dengan kehidupan berlandaskan kepada iman dan amanah.

#### **Maksud**

Dimensi maksud ini adalah mempunyai hala tuju dan perasaan penting dalam melakukan aktiviti harian seperti panggilan untuk perkhidmatan termasuk dalam menghadapi penderitaan dan kesakitan.

#### **Transendensi**

Dalam kajian ini, ia bermaksud melampaui perasaan ego yang ada di dalam diri dengan saling hormat menghormati dan memupuk hubungan yang baik dalam masyarakat. Perasaan belas kasihan, murah hati, sayang menyayang antara satu sama lain dipupuk dalam diri sendiri.

#### **Kebenaran**

Kajian ini menyatakan kebenaran dalam konteks kerohanian ini adalah mempunyai hati yang terbuka di dalam kehidupan dengan mempunyai perasaan ingin tahu dan suka kepada semua penciptaan.

### **Penyerahan**

Dimensi ini menunjukkan penyerahan diri kepada Pencipta, melepaskan ego bagi memupuk perasaan rendah diri dan menerima takdir yang telah ditentukan bagi perkara-perkara yang berlaku.

### **Arahan Dalaman**

Dimensi ini bermaksud arahan kepada diri individu itu sendiri untuk melakukan tindakan bijak seperti melepaskan perasaan takut, menggalakkan perasaan berani, kreativiti, ceria, mencari kebenaran dengan titipan hati nurani serta memupuk integriti dengan menjadi seorang yang bertanggungjawab dan tindakan selari dengan nilai-nilai murni.

Dari segi perspektif Islam, kajian Mastura Ab Wahab dan Noorliza Karia (2019) menyatakan konsep kecerdasan rohani adalah:-

### **Islam**

Kecerdasan rohani dicapai apabila hubungan dengan Allah adalah rapat. Ia hanya boleh dicapai dengan mempercayai kepada Allah SWT, Maha Pencipta, satu sahaja tuhan yang mesti disembah. Allah Maha Suci dan suka kepada kesucian. Maka, sesiapa yang percaya kepada Allah SWT, dia akan melaksanakan lima rukun Islam iaitu syahadah, solat, puasa, keluarkan zakat dan menuaikan Haji bagi yang mampu.

### **Iman**

Memegang kepada enam rukun Iman iaitu percaya kepada Allah, Rasul, Malaikat, Kitab Suci, kiamat dan ketentuan qada' dan qadar.

### **Ihsan**

Merasakan Allah SWT sentiasa melihat segala perbuatan yang dilakukan. Dengan mempunyai perasaan ini, akhlak akan sentiasa dijaga daripada sifat riyak, bangga diri dan tidak akan melakukan perkara-perkara yang melanggar syariat Allah SWT walaupun besar atau kecil. Memohon keampunan sentiasa dilakukan bagi menyucikan hati agar sentiasa mengingat Allah dengan penuh keikhlasan.

Dengan mempunyai ketiga-tiga perkara ini, seseorang itu dapat mencapai keredhaan Allah SWT dan dengan itu, Allah SWT akan menganugerahkan kecerdasan rohani melalui hidayah dan petunjuk bagi mendapat ilmu dariNya. Kajian Elmi Baharuddin (2015) menambahkan lagi terdapat 7 domain kecerdasan rohani di dalam Islam iaitu ruh, kalbu, nafsu, akal, kepercayaan, penyembahan dan akhlak. Dengan mengawasi ketujuh-tujuh domain ini, kecerdasan rohani dapat dicapai.

Menurut Profesor Dr Hamka (2018) di dalam buku beliau “*Tasawuf Moden*” – Edisi Kemas Kini, bagi mencapai kebahagian di dunia dan akhirat, seseorang insan mestilah suci iaitu keluar dari budi pekerti buruk dan masuk ke budi pekerti yang baik. Ini dinamakan tasawuf yang menunjukkan tentang kecerdasan rohani yang tinggi. Bagi mencapai ini, Imam Ghazali menyatakan di dalam kitabnya “*Ihya Ulumiddin*”, seseorang itu perlu mencapai kesempurnaan akal dengan melalui ilmu.

### Kajian Lepas – Kecerdasan Rohani

Kajian Deisa Iriani Rampisela (2017) mendapati kecerdasan rohani mempunyai hubungan dengan prestasi belajar. Apabila kecerdasan rohani baik, prestasi belajar juga sangat baik. Dapatkan kajian Ananto (2008) menyatakan pembelajaran yang hanya mempunyai kecerdasan intelektual tanpa keseimbangan dengan kecerdasan rohani akan melahirkan pelajar yang mudah kecewa, menggunakan ubat-ubat terlarang, kurang motivasi dan mudah mendapat depresi. Dapatkan kajian Samaneh Sadat Karbalaei, Abbas Abdollahi, Sabrina J.Ho Abdullah (2015) menunjukkan kecerdasan rohani mempunyai hubungan yang positif dengan sikap yang positif terhadap tingkah laku pencegahan sisa buangan sampah dalam kalangan pelajar universiti. Ini selari dengan dapatkan kajian Kamitsis,I, Francis,A (2013) di mana ia menunjukkan pelajar yang mempunyai kecerdasan rohani yang tinggi akan berhati-hati mengikut peraturan sosial dan norma yang boleh diterima dalam tingkah laku seseorang di dalam persekitaran. Perkara ini juga didapati dalam kajian Roxana Dev Omar Dev e tal (2018) mengenai tingkah-laku pelajar terhadap penjagaan kesihatan mereka. Kecerdasan rohani dapat menggalakkan tingkah laku yang positif dalam kalangan pelajar terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan. Contoh seperti penjagaan hubungan seksual, pencegahan diabetes, tidak merokok, melakukan senaman bagi penjagaan kesihatan dan lain-lain. Kajian ini disokong oleh kajian Ahmad M. Mahasneh (2015) di mana kecerdasan rohani mempunyai hubungan yang positif dengan ciri personaliti pelajar universiti di Jordan.

Kajian Bill Kerstetter (2018) yang berkaitan dengan pengaruh pemimpin terhadap kepercayaan organisasi mendapati kecerdasan rohani adalah ciri penting dalam menerapkan keupayaan pemimpin untuk membuat keputusan yang baik, menerapkan hubungan dan memberi rasa pemerkasaan terhadap organisasi. Pemimpin yang memanfaatkan kecerdasan rohani boleh mewujudkan budaya kepercayaan dan pemerkasaan dan boleh diambil sebagai contoh tauladan untuk diikuti oleh pekerja-pekerjanya. Begitu juga bagi pekerja-pekerja yang mempunyai kecerdasan rohani, prestasi syarikat akan juga bertambah baik seperti dalam kajian Lisda Rahmasari (2012). Dalam kajian ini, kecerdasan rohani pekerja mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi syarikat. Dapatkan kajian Wiwied Widayastuti dan Unti Ludigdo (2010) mendapati kecerdasan rohani dan budaya organisasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku etika juru audit. “Kecerdasan rohani meliputi cinta, kerendahan hati, pengabdian kepada keluarga, pengabdian yang didasarkan pada keberadaan Tuhan” (Efendi, 2005).

Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji tahap kecerdasan rohani serta pemahaman mereka berkaitan integriti dalam kalangan pelajar IPTA Muslim di Malaysia. Kecerdasan rohani yang tinggi dapat membentuk peribadi yang baik bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai modal insan yang berintegriti tinggi di Malaysia.

### Metodologi Dan Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian rintis dan rekabentuk kajian yang digunakan adalah kuantitatif iaitu sampel rawak berstrata. Data dikumpulkan melalui borang digital google atau “google form” yang dihantar kepada responden memandangkan pada masa kajian rintis ini dilakukan, kerajaan Malaysia telah mengenakan arahan Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan oleh pandemik Covid-19, di mana pertemuan semuka tidak digalakkan. Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar universiti awam di Malaysia. Kriteria pemilihan responden adalah beragama Islam dan belajar di universiti awam di Malaysia. Kajian rintis ini melibatkan 30 orang pelajar universiti awam dari seluruh Malaysia dari pelbagai bidang pengkhususan. Instrumen yang

digunakan untuk mengukur kecerdasan rohani ini telah diadaptasi dari kajian Abdollah Zadeh Hassan (2009). Kesahan kandungan soalan telah dilakukan oleh pakar profesional. Soal selidik ini menggunakan skala enam pilihan jawapan iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju , 3 = Sedikit Tidak Setuju, 4 = Sedikit Setuju , 5 = Setuju dan 6 = Sangat Setuju. Manakala, instrumen integriti mengandungi soalan yang diadaptasi dari kajian Anis Yusal (2017), Arief Salleh Rosman et al, (2008), Nur Hafizah Yusoff (2019), Norhasilah Mat Nor (2012) dan Nor Wahida (2018).

### **Penemuan Kajian Rintis**

Bagi kajian rintis ini, penggunaan soal selidik digital iaitu “google form” membolehkan data dikumpul dan dianalisis dengan cepat. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer IBM *Statistical Package of Social Science* (SPSS) versi 26 untuk menilai kekerapan, peratusan, purata dan ujian korelasi.

**Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha**

	Kecerdasan Rohani	Integriti
Cronbach Alpha	0.848	0.756

Jadual 1 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen ke atas kecerdasan rohani adalah Cronbach alpha 0.848 dan integriti nilai Cronbach alpha ialah 0.756. Ini bererti instrumen kedua-dua pemboleh ubah ini boleh diguna pakai dalam konteks kajian ini. Dapatkan kajian Keith S. Taber (2018) menyatakan nilai Cronbach alpha melebihi 0.70 adalah mencukupi bagi kesahan kebolehpercayaan instrumen-instrumen bagi kajian.

### **Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden**

Bahagian ini menerangkan keputusan analisis latar belakang responden iaitu program akademik, jantina, umur, agama, pendidikan sekolah menengah, asal dan taraf pendidikan ibubapa.

**Jadual 2: Latarbelakang Demografi Responden**

Program Akademik	Diploma: 6.7% Sarjana Muda: 53.3% Sarjana: 23.3% PhD: 16.7%
Jantina	Lelaki: 6 orang , 20% Perempuan: 24 orang, 80%
Umur	18 – 25 tahun: 56.7% 26 – 35 tahun: 13.3% 36 – 40 tahun: 20.0% 41 tahun ke atas: 10.0%
Agama	Islam: 100%
Pendidikan Sekolah Menengah	Pernah belajar di sekolah agama: 36.7% Tidak pernah belajar di sekolah agama: 63.3%
Asal	Perlis – 0% Kedah – 3.3% Pulau Pinang – 6.7% Perak – 6.7% Selangor – 23.3%

	Melaka – 3.3% Negeri Sembilan – 6.7% Johor – 3.3% Kelantan – 13.3% Terengganu – 6.7% Wilayah Persekutuan Labuan – 0% Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – 16.7% Sabah – 0% Sarawak – 10.0%
Taraf Pendidikan Iubapa	<p><b>Ibu</b></p> <p>Tidak bersekolah – 6.7% Sekolah Rendah – 13.3% Sekolah Menengah – 30.0% Sijil atau Diploma – 20.0% Ijazah Pertama – 16.7% Ijazah Sarjana – 10.0% PhD – 3.3%</p> <p><b>Bapa</b></p> <p>Tidak bersekolah – 3.3% Sekolah Rendah – 6.7% Sekolah Menengah – 33.3% Sijil atau Diploma – 20.0% Ijazah Pertama – 30.0% Ijazah Sarjana – 3.3% PhD – 3.3%</p>

### Latar Belakang Demografi Responden

Berdasarkan kepada Jadual 2, daripada 30 responden ( $n = 30$ ), didapati bahawa 6.7% sedang mengikuti program diploma, 53.3% di dalam program sarjana muda, 23.3% di dalam program sarjana dan 16.7% di dalam program PhD. Terdapat 24 orang (80.0%) terdiri daripada pelajar perempuan manakala 6 orang (20.0%) terdiri daripada pelajar lelaki. Kesemua responden adalah beragama Islam.

Golongan responden yang terbesar adalah berumur di antara 18 – 25 tahun iaitu 56.7%, diikuti oleh yang berumur di antara 36 – 40 tahun iaitu 20%, 26 – 35 tahun sebanyak 13.3% dan 41 tahun ke atas sebanyak 10.0%.

63.3% daripada responden tidak pernah belajar di sekolah agama manakala 36.7% pernah belajar di sekolah agama.

Daripada kajian rintis ini, responden paling ramai adalah berasal dari Zon Barat iaitu Selangor dan Kuala Lumpur, 40.0%, Zon Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Sarawak, 20.0%, Zon Utara iaitu Kedah, Pulau Pinang dan Perak, 16.7% dan Zon Selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, 13.3%.

Bagi pendidikan ibubapa pula, 50% daripada para ibu responden telah melanjutkan pelajaran selepas sekolah menengah, manakala bapa pula adalah 56.6%. Terdapat 6.7% para ibu responden yang tidak bersekolah dan bagi para bapa sebanyak 3.3%.

Data demografi menunjukkan sebilangan besar responden tidak pernah belajar di sekolah agama, berumur dalam lingkungan 18 – 25 tahun, berasal dari zon barat dan mempunyai ibubapa yang berpendidikan tinggi. Kajian ini akan menunjukkan tahap kecerdasan rohani pelajar di dalam diri mereka. Jika tahap kecerdasan rohani mereka tinggi maka integriti dalam diri mereka juga akan menjadi tinggi.

**Jadual 3: Tahap Kecerdasan Rohani Pelajar**

	<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisih Piawai</b>
1	Saya ingin mempunyai perhubungan manusiawi dan kasih sayang sesama insan.	5.33	0.80
2	Saya selalu merasa Allah melihat saya	5.60	0.67
3	Saya selalu berterima kasih dan bersyukur dalam kehidupan.	5.50	0.63
4	Saya percaya Allah akan menolong saya ketika saya di dalam kesusahan dan penderitaan.	5.83	0.46
5	Saya percaya saya tidak akan kehilangan apa-apa kerana Allah adalah pemilik sebenar segalanya.	5.77	0.68
6	Saya sangat mengagumi alam semesta.	5.67	0.66
7	Saya boleh mengaku kesalahan saya tidak kira jawatan apa yang saya pegang.	5.60	0.77
8	Saya rasa bertanggungjawab dan komited kepada tugas saya.	5.23	0.82
9	Saya boleh menegakkan pendirian saya secara umum jika terdapat perbezaan pada prinsip asas saya.	5.23	0.82
10	Saya berasa nikmat dengan asas keagamaan dan spiritual sebagai sumber kuasa dan petunjuk.	4.53	0.90

Dari hasil kajian yang ditunjuk dalam Jadual 3, adalah didapati min berada di antara 4.53 hingga ke 5.83 di mana ia menunjukkan tahap kecerdasan rohani para responden adalah tinggi. Walaupun sebahagian besar responden tidak pernah bersekolah di sekolah agama, namun sebagai orang Islam dan mempunyai ibubapa yang berpendidikan tinggi, mereka telah diajar dengan cara pemikiran yang baik berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.

**Jadual 4: Tahap Pemahaman Integriti Dalam Kalangan Pelajar IPTA Muslim di Malaysia.**

	Item	Positif (Sedikit Setuju, Setuju, Sangat Setuju)	Negatif (Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Sedikit Tidak Setuju)
1	Saya memahami konsep integriti.	100%	-
2	Persekutaran saya mengingati saya pada integriti.	93.3%	6.7%
3	Media massa (contoh: surat khabar, televisyen, radio dan lain-lain) berkesan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai integriti dalam kalangan masyarakat.	90.0%	10.0%
4	Tidak salah mengambil harta/barangan pejabat (cth: <i>thumb drive</i> , <i>toner</i> , kertas dan lain-lain) untuk kegunaan peribadi.	6.7%	93.3%
5	Tidak salah menggunakan wang pejabat untuk kepentingan diri sendiri.	3.3%	96.7%
6	Saya mendapati rasuah dalam sektor awam adalah rendah.	13.3%	86.7%
7	Saya mendapati rasuah dalam sektor swasta adalah rendah.	10.0%	90.0%
8	Rasuah adalah hadiah dalam bentuk wang, barang atau perkhidmatan yang diberikan.	80.0%	20.0%

**Tahap Pemahaman Integriti Dalam Kalangan Pelajar**

Berdasarkan Jadual 4 di atas, ia menunjukkan 100% responden memahami konsep integriti. 93.3% bersetuju bahawa persekitaran mengingatkan mereka kepada integriti manakala 6.7% tidak bersetuju. Di sini boleh dinyatakan bahawa usaha pihak kerajaan, swasta dan universiti untuk memperkasakan integriti memberi kesan positif kepada majoriti pelajar ini.

90.0% bersetuju bahawa media massa memberi kesan kepada pemahaman integriti kepada mereka dan 10.0% tidak bersetuju. Ini menunjukkan media massa mempunyai peranan penting dalam pembentukan masyarakat bagi menjadi individu yang berintegriti tinggi. Kajian ini juga mendapati 93.3% tidak bersetuju bahawa pengambilan barang pejabat bagi kegunaan peribadi adalah tidak salah, manakala 6.7% bersetuju perbuatan ini tidak salah. 96.7% tidak bersetuju dengan perbuatan mengambil wang pejabat untuk kegunaan sendiri manakala 3.3%

setuju ia adalah tidak salah. Sebahagian besar responden iaitu 86.7% dan 90.0% tidak setuju dengan kenyataan bahawa sektor awam dan swasta mempunyai kadar rasuah yang rendah dan 80.0 % bersetuju rasuah boleh berbentuk wang, barang dan juga perkhidmatan.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan sebahagian besar dari pelajar IPTA Muslim di Malaysia mempunyai fahaman tentang integriti yang tinggi. Namun masih ada sebahagian kecil yang masih kurang mengerti tentang perkara yang melanggar etika integriti. Terdapat 10.0% - 13.3% masih setuju bahawa rasuah di sektor awam dan swasta masih rendah sedangkan perkara ini diwartakan di dalam media massa setiap hari dan di dalam Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa 2020, Malaysia menduduki paras ke 57 dari 180 negara di seluruh dunia.

### **Hubungan Antara Kecerdasan Rohani Dan Integriti Dalam Kalangan Pelajar Ipta Di Malaysia**

**Jadual 5: Hubungan antara kecerdasan rohani dan integriti dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia.**

N = 30	Kecerdasan rohani	
	r	Signifikan P
Integriti	0.138	0.467

Jadual 5 menunjukkan korelasi perhubungan antara kecerdasan rohani dan integriti dalam kalangan pelajar IPTA Muslim di Malaysia. Hasil kajian  $r = 0.138$  menunjukkan terdapat hubungan yang positif tetapi lemah antara kedua-dua pemboleh ubah dan  $P = 0.467$  menunjukkan hubungan ini tidak signifikan dari segi statistik.

### **Kesimpulan**

Kajian rintis ini mendapati instrumen yang dibina mempunyai nilai Cronbach alpha 0.848 bagi kecerdasan rohani dan 0.756 bagi integriti. Ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi bagi instrumen-instrumen tersebut bagi responden di dalam kajian. Dapatkan kajian menyatakan pelajar Islam di IPTA di Malaysia mempunyai kecerdasan rohani yang tinggi apabila menunjukkan min adalah antara 4.53 hingga ke 5.83.

Kajian ini juga mendapati, walaupun sebahagian besar responden tidak bersekolah di sekolah agama, namun dengan pendidikan ibubapa yang tinggi, mereka dididik dengan baik dan memahami maksud integriti keseluruhannya. Oleh itu, sebagai bakal modal insan negara yang akan memacu pembangunan negara, pelajar ini haruslah terus dididik dan diberi pemantauan yang rapat bagi memastikan mereka terus kuat berpegang kepada segala suruhan Allah SWT bagi menjalani kehidupan yang cemerlang dan berintegriti tinggi.

Hasil kajian ini juga menunjukkan pelajar kebanyakannya mengerti tentang konsep integriti secara keseluruhannya tetapi dari segi realiti, masih ada yang tidak sedar akan keparahan masalah integriti di Malaysia. Masih ada yang mengatakan kes-kes rasuah di sektor awam dan swasta masih rendah sedangkan Malaysia merupakan antara negara yang tertinggi mempunyai masalah rasuah di dunia seperti yang dicatatkan oleh Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa 2020. Dari 180 negara, Malaysia menduduki tangga ke 57 dengan skor 51 berbanding dengan

skor negara yang rendah rasuah iaitu New Zealand yang menduduki tempat pertama dengan skor 88. Jiran Malaysia, Singapura menduduki tempat ketiga dengan skor 85.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bukti empirikal terhadap ujian-ujian ke atas instrumen kecerdasan rohani dan integriti yang telah dibina. Instrumen-instrumen ini mempunyai ciri kebolehpercayaan yang mencukupi untuk mengenal pasti tahap kecerdasan rohani dan integriti bagi pelajar IPTA Muslim di Malaysia dan boleh diguna pakai bagi pengumpulan data sebenar.

## Rujukan

- Ab. Wahab, M.(2019) "Spiritual Intelligence in Islam – A Framework for Total Excellence." *The 13th Asian Academy of Management International Conference*.
- Abdollahzadeh, Hasan. (2009). The 29-item Spiritual Intelligence Questionnaire. Spiritual intelligence (concepts, measurements and applications). *Ravansanji Publications, Tehran*:
- Abu Hamid Muhammad ibn Muhamad ibn Muhammad al-Ghazali, (2017) "Ihya Ulumiddin", *Pustaka Jiwa*, Selangor, Malaysia.
- Al Halili, S., Sunaryo, H., & Rizal, M. (2020). Pengaruh Intellectual Quotient (IQ), Emotional Quotient (EQ) Dan Spiritual Quotient (SQ) Terhadap Kinerja Karyawan. *Jurnal Ilmiah Riset Manajemen*, 9(07).
- Amram, Y. (2007, August). The seven dimensions of spiritual intelligence: An ecumenical, grounded theory. In *115th Annual Conference of the American Psychological Association, San Francisco, CA* (pp. 17-20).
- Ananto, H. (2008). Pengaruh Kecerdasan Emosional Dan Kecerdasan Spiritual Terhadap Tingkat Pemahaman Akuntansi (Survey pada Perguruan Tinggi di Eks Karesidenan Surakarta) (*Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta*).
- Anis Yusal and Zarina Mohamad Amin,(2017) Laporan Hasil Kajian Persepsi Mahasiswa di Malaysia, *Institut Integriti Malaysia*.
- Baharuddin, E. B., & Ismail, Z. B. (2015). 7 Domains of spiritual intelligence from Islamic perspective. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 211, 568-577.
- Baharuddin, E., & Ismail, Z. (2015). Kecerdasan Ruhaniah Membentuk Manusia Unggul/Spiritual Intelligence Forming Wholesome Being. *Islamiyyat*, 37(2), 97.
- Corruption Perception Index 2020, Transparency International. <https://www.transparency.org/en/cpi/2020/index/nzl>
- Dermanaki Farahani, S., Sohrabi, F., & Azarbeyjani, M. (2016). Development and validation of Islamic questionnaire of spiritual intelligence. *Health, Spirituality and Medical Ethics*, 3(3), 4-11.
- Dev, R. D. O., Kamalden, T. F. T., Geok, S. K., Ayub, A. F. M., & Ismail, I. A. (2018). Spiritual intelligence on health behaviours among Malaysian university students in a Malaysian public university: The mediating role of self efficacy. *Malaysian Journal of Movement, Health & Exercise*, 7(2).
- Efendi, A. (2005). Revolusi kecerdasan abad 21. Bandung: Alfabeta.
- HAMKA, (2018) "Tasawuf Moden", Edisi Kemas Kini, *Publishing House Sendirian Berhad*, Selangor, Malaysia.
- Kamitsis,I, Francis,A, (2013) "Spirituality Mediates The Relationship Between Engagement With Nature and Psychological Well-being", *Journal of Environment Psychology*
- Karbalaei, S., Abdollahi, A., & Abdullah, S. (2015). Machiavellianism and Spiritual Intelligence as Predictors of Waste-prevention Behaviours among Malaysian

University Students. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 23(3), 623-638.

Kerstetter, B. (2018). Role of Spiritual Intelligence in Leader Influence on Organizational Trust. *scholarworks.waldenu.edu*

Mahasneh, A. M., Shammout, N. A., Alkhazaleh, Z. M., Al-Alwan, A. F., & Abu-Eita, J. D. (2015). The relationship between spiritual intelligence and personality traits among Jordanian university students. *Psychology Research and Behavior Management*, 8, 89.

Negi, A. S., & Khanna, D. A. (2017). An Inquiry on the Dimensions of Spiritual Intelligence. *International Journal of Development Research*, 7(09), 15169-15176.

Rahmasari, L. (2012). Pengaruh kecerdasan intelektual, kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual terhadap kinerja karyawan. *Majalah Ilmiah Informatika*, 3(1).

Rampisela, D. I., Rompas, S., & Malara, R. (2017). Hubungan Kecerdasan Emosional Dan Kecerdasan Rohani Dengan Prestasi Belajar Siswa Di SMP Katolikst. Fransiskus Pineleng. *Jurnal Keperawatan*, 5(1).

Rani, A. A., Abidin, I., & Hamid, M. R. (2013). The Impact of Spiritual Intelligence on Work Performance: Case Studies in Government Hospitals of East Coast of Malaysia. *The Macrotheme Review*, 2(3), 46-59.

Taber, K. S. (2018). The Use of Cronbach's Alpha When Developing and Reporting Research Instruments in Science Education. *Research in Science Education*, 48(6), 1273-1296.

Widyastuti, W., & Ludigdo, U. (2010). Pengaruh kecerdasan emosional, kecerdasan spiritual dan budaya organisasi terhadap perilaku etis auditor pada KAP. *Jurnal Akuntansi Multiparadigma*, 1(1), 141-154.

Zohar, D. (2012). Spiritual intelligence: The ultimate intelligence. *Bloomsbury Publishing*, London.